



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA KUKUHKAN KERJASAMA STRATEGIK DALAM SEKTOR KELESTARIAN ALAM

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) hari ini menerima kunjungan hormat daripada Naib Menteri Sumber Asli merangkap Pentadbir Pentadbiran Lautan Negara Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Sun Shuxian.

Sesi perbincangan strategik ini dipimpin oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup bersama pengurusan tertinggi NRES. Pertemuan ini bertindak sebagai platform penting bagi memperkasakan hubungan dua hala serta memantapkan kerjasama dalam pengurusan sumber asli dan kelestarian alam berasaskan Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) kedua-dua negara.

Antara perkara utama yang dibincangkan merangkumi cadangan Perjanjian Kerjasama Alam Sekitar Marin serta inisiatif Ekonomi Biru. Kedua-dua negara bersetuju untuk mengukuhkan platform kerjasama marin, merangkumi aspek penyelidikan, sains, teknologi, pertukaran kepakaran dan pengurusan ekosistem laut yang bakal diperincikan oleh pegawai teknikal kedua-dua pihak. Di samping itu, berikutan isu jerebu semasa, YB Menteri turut mengesyorkan penerokaan kerjasama dalam pengurusan kebakaran hutan dan operasi pembenihan awan (*cloud seeding*) dengan memanfaatkan kepakaran serta teknologi canggih yang dimiliki oleh pihak China.

Dalam aspek perundingan antarabangsa, Malaysia mengambil maklum pencalonan China sebagai tuan rumah sekretariat *Biodiversity Beyond National Jurisdiction* (BBNJ) di Xiamen. YB Menteri menegaskan pendirian Malaysia kekal terbuka mengenai penawaran China sebagai tuan rumah Sekretariat BBNJ di Xiamen, sambil memberi jaminan akan memberikan sokongan yang sewajarnya tertakluk kepada panduan Kementerian Luar Negeri (KLN) serta pertimbangan kepentingan negara pesisir di rantau ini.

Sesi pertemuan ini diakhiri dengan jemputan untuk pihak China menyertai *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM 2026). Penganjuran ini mendapat sokongan positif pihak China dengan komitmen untuk menguar-uarkan penyertaan kepada rakan-rakan industri berkaitan di China.

NRES meyakini bahawa komitmen bersama ini akan memperkukuh pengurusan alam sekitar yang mampan serta membawa manfaat ekonomi dan kelestarian yang berpanjangan kepada kedua-dua buah negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
22 SEPTEMBER 2026

